


CARTA ALIR

PERMOHONAN VISA DENGAN RUJUKAN (VDR) BAGI PEMBANTU RUMAH ASING (PRA)



Tempoh masa yang dipamerkan adalah tertakluk kepada jumlah pelanggan pada sesuatu masa

JADUAL 1

BAYARAN BAGI PERMOHONAN PEMBANTU RUMAH ASING (PRA)

BIL	PERMOHONAN	LEVI (RM)	PL(KS) (RM)	PROSES (RM)	VISA			JUMLAH
					NEGARA SUMBER	JENIS VISA (SEV/MEV)	BAYARAN	
1.	PEMBANTU RUMAH ASING (PRA) PERTAMA	410	60	125	Indonesia	SEV/MEV	15	610.00
					Filipina	SEV/MEV	36	631.00
					Sri Lanka	SEV	50	645.00
						MEV	100	695.00
					Thailand	SEV/MEV	GRATIS	595.00
					Kemboja	SEV/MEV	20	615.00
2.	PEMBANTU RUMAH ASING (PRA) KEDUA DAN SETERUSNYA	590	60	125	Indonesia	SEV/MEV	15	790.00
					Filipina	SEV/MEV	36	811.00
					Sri Lanka	SEV	50	825.00
						MEV	100	875.00
					Thailand	SEV/MEV	GRATIS	775.00
					Kemboja	SEV/MEV	20	795.00
	India	SEV/MEV	50	825.00				
	Laos	SEV/MEV	20	795.00				
	Vietnam	SEV/MEV	13	788.00				

Nota :
SEV : Single Entry Visa,
MEV : Multiple Entry Visa

Sebarang pertanyaan sila hubungi

Unit Pembantu Rumah Asing,
Bahagian Pekerja Asing,
Jabatan Imigresen Malaysia
No. 15, Tingkat 2 (Podium),
Persiaran Perdana,
Presint 2,
62550, Putrajaya

No Tel: 03-8880 1468
(Call Centre Unit Pembantu Rumah Asing)

Laman Web Utama: www.imi.gov.my



PERMOHONAN VISA DENGAN RUJUKAN (VDR) BAGI PEMBANTU RUMAH ASING (PRA)



PENGENALAN

Visa Dengan Rujukan (VDR) bermaksud suatu Visa yang dikeluarkan oleh pihak Perwakilan Malaysia di luar negara kepada orang asing yang mana visa tersebut telah dipohon terdahulu oleh majikan/ agensi dan telah diluluskan pengeluarannya oleh Jabatan Imigresen Malaysia

myPORTFOLIO
"Birokrasi Diperudahkan"
"Bureaucracy Redefined"

NEGARA SUMBER YANG DIBENARKAN IALAH:

- Indonesia
- Thailand
- Filipina
- Sri Lanka
- India
- Vietnam
- Laos

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMBANTU RUMAH ASING (PRA)

Bakal PRA:

- Jantina : Perempuan sahaja
- Umur : tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak melebihi 45 tahun pada tahun permohonan
- Disahkan sihat oleh pusat-pusat perubatan yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan di negara asal PRA
- Berada di negara asal semasa permohonan
- Masuk/datang ke Malaysia menggunakan Visa Dengan Rujukan (VDR) yang diambil di pejabat perwakilan Malaysia di negara asal PRA
- Disahkan lulus **IMMIGRATION SECURITY CLEARANCE (ISC)** yang dibuat di negara sumber
- Bebas daripada senarai syak dan senarai hitam jabatan

Majikan:

- Berstatus Warganegara atau Penduduk Tetap
- Terdiri daripada suami dan isteri dan mempunyai:
 - a) Anak berumur bawah 15 tahun;
 - b) Anak kelainan upaya (tiada had umur);
 - c) Majikan/ pasangan majikan yang sakit/ uzur;
 - d) Ibu bapa yang sakit/ uzur; atau
 - e) Ahli keluarga terdekat yang sakit/ uzur (adik beradik, datuk atau nenek sahaja)
- Mestilah bekerja dan hanya satu (1) pembantu PRA yang layak dipohon untuk satu keluarga

- Kelayakan gaji majikan untuk mengambil PRA mengikut negara sumber dan bayaran sita :

BIL	NEGARA SUMBER	JUMLAH PENDAPATAN MAJIKAN	BAYARAN SITA (PERSONAL BOND)
1	Indonesia	RM 3,000.00	RM 250.00
2	Filipina	RM 5,000.00	RM 750.00
3	Sri Lanka	RM 5,000.00	RM 750.00
4	Thailand	RM 3,000.00	RM 250.00
5	Kemboja	RM 3,000.00	RM 250.00
6	India	RM 5,000.00	RM 750.00
7	Laos	RM 3,000.00	RM 1,500.00
8	Vietnam	RM 3,000.00	RM 1,500.00

- Tidak diisytiharkan mufliis oleh pihak berkuasa atau berada di dalam senarai syak/ senarai hitam Jabatan Imigresen Malaysia
- Bagi permohonan PRA kedua dan seterusnya, majikan mestilah:
 - i. Mempunyai alasan yang kukuh (disertakan bukti dokumen) ; dan
 - ii. Mempunyai pendapatan bersih sebagaimana jadual berikut :

BIL	PERMOHONAN	PENDAPATAN SEBULAN
1.	Pembantu Rumah Asing (PRA) Kedua	Melebihi RM10,000.00
2.	Pembantu Rumah Asing (PRA) Ketiga (Kelulusan khas Ketua Pengarah Imigresen)	Melebihi RM15,000.00
3.	Pembantu Rumah Asing (PRA) Keempat dan selebihnya (Kelulusan khas Ketua Pengarah Imigresen)	Melebihi RM15,000.00

- Majikan beragama Islam dibenarkan menggaji PRA beragama Islam sahaja

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PERMOHONAN PEMBANTU RUMAH ASING

1. Borang permohonan PRA
2. Borang IM 12. (Permohonan PLKS)
3. Borang *Personal Bond* yang dimatikan setem RM10.00
4. Perjanjian Pekerjaan di antara majikan dan PRA yang dimatikan setem RM10.00 (1 set asal dan 1 set salinan)
5. Salinan kad pengenalan majikan dan pasangan (suami dan isteri)
6. Salinan pasport PRA
7. Laporan perubatan bakal PRA dari negara asal oleh panel yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
8. Bukti pendapatan tetap suami isteri:
 - a. Penyata KWSP dan slip gaji (3 bulan terkini); atau
 - b. Borang e-BE/ Penyata LHDN yang disah terima beserta slip bayaran
9. Sijil perkahwinan (bagi permohonan kali pertama sahaja)
10. Dokumen sokongan mengikut keperluan:
 - a. Sijil kelahiran anak yang berumur bawah 15 tahun;
 - b. Salinan kad pengenalan ibu/ bapa atau ahli keluarga terdekat;
 - c. Surat pengesahan doktor dari klinik pakar swasta/ hospital kerajaan.

PENGELUARAN VISA DENGAN RUJUKAN DI JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SEBELUM KEMASUKAN PRA KE MALAYSIA

1. Setelah permohonan untuk mendapatkan PRA diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, majikan perlu membuat bayaran levi, visa, proses dan Pas Lawatan Kerja Sementara (**Rujuk Jadual 1**) sebelum Visa Dengan Rujukan (VDR) akan dikeluarkan bagi membolehkan PRA memasuki Malaysia.
2. Setelah bayaran dibuat, VDR akan dikeluarkan dalam 3 salinan kepada pihak majikan untuk diberikan kepada:
 - i. Pejabat Kedutaan negara asal PRA di Malaysia
 - ii. Pejabat Perwakilan Malaysia di negara asal PRA di mana visa akan dipohon
 - iii. Salinan untuk simpanan majikan
 - iv. Satu salinan tambahan untuk permohonan melalui agensi